

MAT SALLEH SEBAGAI TOKOH PERPADUAN SABAH DALAM NOVEL *TIBABAR: BENTENG TERAKHIR PANGLIMA MAT SALLEH* BERDASARKAN PERSPEKTIF HISTORISISME BARU

(Mat Salleh as the Unity Factor of Sabahan in Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh based on New Historicism)

Muhammad Zahid Mohamad Zaki¹
zahidzaki@um.edu.my

Hashim Ismail²
shim@um.edu.my

Madiawati Mamat @ Mustaffa³
atie@um.edu.my

Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. ^{1, 2 & 3}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Muhammad Zahid Mohamad Zaki, Hashim Ismail & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2024). Mat Salleh sebagai tokoh perpaduan Sabah dalam novel *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh* berdasarkan perspektif historisisme baru. *Malay Literature*, 37(1), 133–158. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no6)

Received:	15/2/2024	Revised:	13/5/2024	Accepted:	16/5/2024	Published online:	20/6/2024
Peroleh:		Semakan		Terima:		Terbit dalam talian:	

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek ketokohan Mat Salleh sebagai tokoh perpaduan Sabah dan mengangkat nilai Islam yang dibawa dalam perjuangan Mat Salleh dalam novel sejarah, *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh* (2013) karya Roziah Adama. Kajian ini dijalankan berdasarkan sorotan literatur yang mendapati bahawa wujud perubahan persepsi masyarakat terhadap perjuangan Datu Paduka Mat Salleh jika diteliti sebelum dan sesudah Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia. Lantaran itu, pemaknaan baharu watak Mat Salleh sebagai tokoh pembebasan

Sabah dalam novel ini wajar diberikan perhatian oleh pengkaji sejarah khususnya dalam melihat dimensi perubahan pemikiran masyarakat yang tidak lagi menganggap Mat Salleh sebagai pemberontak. Sebagai salah satu daripada bentuk karya sastera, setiap novel yang baik mengandungi elemen politik dan sejarah yang disepadukan melalui penceritaan yang memberikan pengetahuan baru, keseronokan dan menyembunyikan idealisme pengarang terhadap sesuatu isu yang diketengahkan dalam karya. Maka, kajian ini memanfaatkan gagasan teori Historisisme Baru yang dikemukakan oleh Stephen Greenblatt (1988) sebagai kerangka analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha pemaknaan baharu dilakukan secara sedar dalam karya ini demi mengangkat Panglima Mat Salleh sebagai wira serta menolak wacana kolonial yang menyifatkan Mat Salleh sebagai penjenayah atau pemberontak. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa Mat Salleh merupakan tokoh yang menyatupadukan masyarakat Sabah serta membawa agama Islam sebagai dasar perjuangannya.

Kata kunci: Historisisme Baru, puitika budaya, peribumi, kolonial, pascakolonial, perpaduan

Abstract

This objective of this study is to analyse the new interpretation of historical meaning in historical novel, Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh (2013) by Roziah Adama. This study was carried out based on previous literary reviews that reveal the changes of local standing upon the famous Sabah fighter, Datu Paduka Mat Salleh before and after Sabah's merger to form the Federation of Malaysia. Therefore, the interpretation of Datu Paduka Mat Salleh in the novel seems to have been presented in a positive light, and commanded enormous influence as a prominent figure in Sabah's independence. The newer interpretation of Mat Salleh's vision in this novel conveys and allows historians and other novelists to grasp the dynamic intellect of our society, so that the material presented is not only enjoyable to read but gives new knowledge. Novels as part of narrative works filled with writer's ideology coloured by their thoughts about an issue which resonate with their own epistemes. Furthermore, this study utilises the theory of Stephen Greenblatt (1980) as an analytical framework which is the library method and text analysis. The findings show that there is a newer historical representation of Mat Salleh as a figure in the independence of Sabah, and moves away from the established colonial discourse. The findings of the study also show that Datu Paduka Mat Salleh revolt is accepted by his people and influenced by Islamic principle.

Keywords: New Historicism, cultural poetics, indigenous, colonial, postcolonialism, unity

PENDAHULUAN

Pemaknaan baharu sejarah ialah proses yang berkaitan dengan konsep menghasilkan kebenaran, kerelatifan makna sejarah dan pengaruh budaya yang diwujudkan dalam teks terkemudian bagi mengungkapkan realiti yang difahami oleh pengarang tentang makna bagi peristiwa sejarah. Menurut Greenblatt (1989), Historisisme Baru ialah satu proses pembacaan teks lama yang memperihalkan sesuatu sebab di sebalik pemaknaan baharu dalam teks sejarah terkini. Melalui anjakan makna yang cuba ditampilkan dalam sesuatu teks sejarah, peristiwa sejarah dianggap tidak stabil dan terdedah kepada makna-makna baharu berasaskan corak dan bentuk budaya yang melingkungi kehidupan ahli sejarah tersebut. Dalam naskhah *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh*, terdapat usaha menjernihkan persepsi Mat Salleh sebagai pejuang pembebasan negeri Sabah. Idealisme baharu ini banyak ditimbulkan oleh ahli sejarah setelah Sabah menjadi sebahagian daripada entiti yang membentuk Malaysia. Semangat anak negeri serta kemerdekaan tanah air yang baru dicapai telah menggalakkan penulisan artikel yang mengubah persepsi Mat Salleh yang sebelumnya dilabel sebagai pemberontak kepada pahlawan pembebasan Sabah. Perubahan makna sejarah menunjukkan teks sejarah adalah sebahagian produk budaya sebagaimana yang disampaikan oleh Bressler (1999), sejarah tidak lagi menjadi subjek utama dalam naskhah yang dihasilkan sebaliknya wujud sebagai representasi pengalaman manusia yang sebelum ini tidak diterjemah dengan baik dalam sesuatu peristiwa sejarah. Hal ini dipersetujui oleh Webster (1996) yang melihat karya sastera yang dihasilkan adalah sejarah alternatif yang bertindak sebagai pelengkap atau meragui sejarah lampau. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, Historisisme Baru memandang sejarah, sastera dan tindakan sosial lain sebagai pengisian yang membentuk wacana baharu. Mat Salleh merupakan seorang panglima yang sangat terkenal di negeri Sabah kerana perjuangannya menentang Inggeris bermula pada tahun 1895 hingga tahun 1903. Di sebalik usaha membebaskan Sabah daripada penjajahan Inggeris, terdapat rekod penulisan yang menyatakan Mat Salleh sebagai seorang pemberontak yang menimbulkan kekacauan di negeri Sabah. Misalnya, rekod penulisan Rutter (1922) dalam buku bertajuk *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes* Colonial Office (C.O) dan akhbar *The British North Borneo Herald* (BNBH) telah melihat kebangkitan Mat Salleh sebagai satu

bentuk pemberontakan ke atas kerajaan Syarikat Borneo Utara kerana Mat Salleh telah didakwa melindungi individu yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kerana membunuh. Bahkan, semasa Borneo Utara berstatus sebagai tanah jajahan, sebuah artikel yang ditulis dalam akhbar *North Borneo News dan Sabah Times* pada tahun 1961 bertajuk “*Sensuran and Mat Salleh*” menceritakan perkaitan antara masyarakat Sansuron Tuhawon di Tambunan dengan Mat Salleh. Dalam penulisan tersebut, puak Tuhawon dikatakan telah ditindas bukan sahaja melalui pungutan cukai yang tinggi bahkan dikatakan dipaksa untuk melakukan kerja-kerja bagi kepentingan pengikut Mat Salleh. Keadaan ini menyebabkan ketua bagi puak Tuhawon telah berpaling tadah dan mengingkari permintaan Mat Salleh. Mat Salleh kemudiannya membina kubu mengelilingi Sansuron yang menyebabkan mereka kebuluran. Tindakan Mat Salleh telah menyebabkan ramai nyawa puak Tuhawon terkorban. Secara amnya, syarikat Borneo Utara (SBU) yang menjadi kerajaan pajakan melalui pajakan Borneo Utara secara konsesi telah melihat Mat Salleh sebagai individu yang merbahaya kepada kegiatan syarikat.

Setelah Sabah menjadi sebahagian daripada entiti yang membentuk Malaysia, terdapat beberapa rekod penulisan terbaharu yang menunjukkan fakta berbeza berbanding naratif sejarah yang ditulis oleh pihak SBU. Semangat kemerdekaan tanah air dan konfrontasi yang berlaku antara Malaysia dengan Indonesia di bawah pentadbiran Presiden Sukarno telah menyebabkan wujudnya penulisan artikel yang mengubah persepsi Mat Salleh yang sebelumnya dilabel sebagai pemberontak sebagai pahlawan pembebasan Sabah. Dalam artikel tersebut, beberapa persoalan telah diketengahkan, antaranya termasuklah adakah Mat Salleh membenci pemerintahan SBU, cuba mengusir orang Inggeris atau ingin memerintah Sabah pada ketika itu. Penceritaan dalam artikel tersebut bersifat kronologi bahkan berfokus kepada hala tuju perjuangan Mat Salleh yang disifatkan sebagai perjuangan kebangsaan dan melabelkan Mat Salleh sebagai nasionalis yang harus diingati kerana perjuangannya untuk membebaskan wilayah Sabah daripada penjajahan.

Selain itu, terdapat penulisan yang menyifatkan Mat Salleh telah berjaya menyatupadukan pelbagai kaum di Sabah atas semangat pembebasan Sabah. Ismail Abbas & K. Bali (1987) dalam *Peristiwa-peristiwa Berdarah di Sabah* menganggap kepahlawanan Mat Salleh menjadi faktor yang mengikat perjuangan penduduk tempatan untuk menentang Syarikat Berpiagam Borneo Utara British. Antara kaum tempatan yang ikut serta bersama Mat Salleh dalam pemberontakan beliau menentang Syarikat

Berpiagam Borneo Utara British ialah kaum Kadazandusun. Kaum Kadazandusun merupakan kaum yang paling ramai tinggal di kawasan yang dikuasai oleh pemerintah dalam kalangan kaum Bajau-Suluk. Kaum Bajau juga dikatakan memberikan bantuan kepada Mat Salleh, bukan sahaja atas dasar keturunan, tetapi kerana pihak syarikat telah mencabar ketuanan mereka. Kaum Bajau pernah bersekutu dengan Kesultanan Sulu. Maka, tidak menghairankan jika kaum Bajau memberikan bantuan kepada Mat Salleh, sebagai “bekas wakil kesultanan Sulu” yang “dijatuhkan” oleh pihak syarikat. D.S. Ranjit Singh (2003) mengakui bahawa kebangkitan perjuangan Mat Salleh telah menyukarkan penguasaan pihak SBU terutamanya di kawasan Sandakan sehingga ke Pulau Gaya. Tambunan turut dianggap bukti sokongan padu pelbagai suku masyarakat tempatan terhadap perjuangan Mat Salleh ketika itu melainkan kaum Murut. Kepelbagaian sosiobudaya masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya, agama dan sistem politik terhadap perjuangan Mat Salleh membuktikan bahawa beliau memiliki sokongan daripada pelbagai kaum lantas menimbulkan kontradiksi berbanding penulisan sejarah yang dihasilkan sebelum Sabah mencapai kemerdekaan.

PENYATAAN MASALAH

Pembacaan yang dilakukan mendapati bahawa perjuangan Mat Salleh telah mewujudkan pelbagai persepsi daripada masyarakat terutamanya jika ditelusuri melalui faktor masa sebelum dan sesudah Sabah mencapai kemerdekaan. Permasalahan tentang realiti perjuangan Mat Salleh perlu dilihat daripada dua sudut, iaitu kebangkitan perjuangan Mat Salleh semasa era pentadbiran SBU yang memfokuskan kronologi kebangkitan perjuangan tempatan yang meletakkan Mat Salleh sebagai pemberontak. Pemaknaan Mat Salleh sebagai pembela kemerdekaan dan simbol penyatuan suku kaum di Sabah pula mulai diterjemahkan dalam penulisan sejarah khususnya setelah berlakunya konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia selepas tahun 1963. Oleh itu, kajian ini menilai kewujudan perubahan idealisme sejarah dalam mengangkat Mat Salleh sebagai pemimpin pembebasan tanah air. Kedua, kajian ini memperlihatkan berlakunya pertembungan maklumat sejarah lama dan baharu mengenai asas perjuangan Mat Salleh yang belum terjawab dengan baik. Webster (1996) menyatakan bahawa biarpun sejarah dan kesusasteraan merupakan dua disiplin yang berbeza, sesuatu latar belakang peristiwa sejarah dalam teks sastera membolehkan karya sastera itu dapat dikaji dengan disiplin sejarah. Bahkan, terdapat ahli sejarah yang

memanfaatkan kesusasteraan sebagai bahan teks primer kerana teks sastera berupaya memberikan imaginasi visual terhadap disiplin ilmu sejarah yang terlalu berfakta. Oleh itu, bagi membuktikan hujahan tersebut, kajian ini memanfaatkan disiplin kesusasteraan dengan membuktikan Mat Salleh sebagai tokoh yang menyatupadukan pelbagai suku kaum dan memiliki asas perjuangan Islam sewaktu berjuang membebaskan Sabah daripada penjajahan Inggeris. Kajian terhadap novel *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh* perlu dilakukan bagi membuktikan keraguan terhadap maklumat sejarah yang terdapat dalam dokumen sejarah yang ditulis sebelumnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek ketokohan Mat Salleh sebagai tokoh perpaduan Sabah dan nilai Islam yang terdapat dalam novel *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh*. Perubahan persepsi masyarakat terhadap perjuangan Mat Salleh serta para pengikutnya menjadi petanda wujudnya faktor dalam mengembalikan kedudukan sejarah kepada tempatnya, iaitu sejarah yang membina jati diri bangsa. Situasi ini diakui Greenblatt sebagai usaha pembentukan realiti budaya, iaitu pertarungan yang terjadi dalam anggota masyarakat bagi menempatkan identiti masyarakat tersebut yang sebelumnya tidak dipertimbangkan (Montrose, 1992:411). Konsep subjektiviti dalam Historisisme Baru memperlihatkan bahawa sejarah boleh ditafsirkan dengan pelbagai makna. Hal ini demikian kerana peristiwa sejarah sentiasa berkait dengan unsur ideologi, budaya dan peristiwa yang dianggap penting oleh seorang sejarawan untuk digambarkan dalam teks. Setiap sejarawan memiliki sudut pandang yang berbeza antara satu sama lain. Perkara ini diakui oleh sejarawan, Carr (1984), yang menyatakan bahawa masyarakat dan individu merupakan satu komponen yang sama, jadi seperti sifat individu, mereka juga memiliki lingkungan sosial, hasil dan dibentuk oleh kesedaran masyarakat dan memiliki set pengetahuan yang tersendiri berkaitan dengan sesuatu peristiwa sejarah.

Kajian Historisisme Baru dalam karya kesusasteraan perlu diteruskan kerana Historisisme Baru ialah lensa yang tepat untuk melihat pemaknaan baharu daripada naratif sejarah sedia ada seterusnya menyediakan lebih banyak ruang untuk menghidupkan kajian sejarah yang mengukuhkan jati diri bangsa. Sehubungan dengan itu, rumusan daripada kajian ini diharapkan dapat membuka dimensi baharu mengenai hakikat perjuangan Mat Salleh di Sabah. Bagi mencapai objektif kajian, novel *Tibabar: Benteng Terakhir*

Panglima Mat Salleh telah dipilih sebagai teks kajian kerana novel ini mengandungi unsur sejarah yang sesuai untuk diguna pakai sebagai bahan kajian. Di samping itu, novel ini ditulis oleh anak jati Sabah yang berjaya mengetengahkan pemikiran dan isu sejarah yang dekat dengan sosiobudayanya sendiri. Oleh itu, pemilihan novel ini adalah bertepatan dengan objektif kajian, iaitu menganalisis aspek ketokohan Mat Salleh sebagai tokoh perpaduan Sabah dan mengangkat nilai Islam yang dibawa dalam perjuangan Mat Salleh di Sabah. Kedua, kajian ini memperlihatkan perubahan stigma masyarakat terhadap Mat Salleh daripada pemberontak kepada pembela kemerdekaan yang menjadi simbol penyatuan suku kaum di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam makalah ini menganalisis kajian terdahulu mengenai perjuangan Mat Salleh dan makalah yang berkaitan dengan Historisisme Baru dalam naskah kesusasteraan. Antara sorotan tersebut ialah penulisan makalah yang awal memperkatakan mengenai Mat Salleh, iaitu Treggoning (1965) yang menyoroti kebangkitan perjuangan Mat Salleh sewaktu pemerintahan SBUB yang menyifatkan perjuangan tersebut sebagai satu bentuk pemberontakan terhadap pemerintahan Inggeris. Melalui makalah ini, Treggoning telah membincangkan tentang perjalanan perjuangan Mat Salleh sehinggalah kepada kematian Mat Salleh pada tahun 1905. Makalah ini lebih berbentuk laporan kerana melaporkan peristiwa penentangan Mat Salleh tetapi tidak memaparkan cabaran atau punca di sebalik penentangan yang dialami oleh individu yang terlibat dalam peristiwa tersebut. Walau bagaimanapun, pemaparan tempat, waktu dan individu yang terlibat dalam peristiwa sejarah penentangan Mat Salleh telah dijelaskan dengan baik. Kajian ini kemudiannya ditambah baik dengan penghasilan buku yang bertajuk *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881–1946)* yang mula membincangkan tentang penentangan dan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua pihak yang berkonflik, SBUB dan orang-orang tempatan yang menentang.

Seterusnya, penelitian telah dilakukan terhadap penulisan D.S. Ranjit Singh (2000) yang memperkatakan tentang pelbagai perkara termasuklah demografi penduduk, sistem politik tradisi dan undang-undang baharu yang diperkenalkan sesudah SBUB mengambil alih pemerintahan Sabah daripada pemerintah Brunei. Dalam penulisan D.S. Ranjit Singh, beliau menyatakan pandangan umum terhadap perjuangan Mat Salleh telah mula berubah berbanding sebelum Sabah mencapai kemerdekaan. Melalui penulisan ini, D.S. Ranjit Singh meletakkan isu politik tradisi seperti kuasa pengutipan

cukai serta hak penduduk asli yang terjejas ekoran kemasukan pedagang luar seperti Melayu Brunei, Cina dan orang Iban sebagai sebahagian punca ketidakstabilan politik di Sabah pada tahun 1880 hingga 1900. Penulisan beliau juga menyatakan bahawa semangat patriotisme untuk membebaskan Sabah tidak membawa kepada pergerakan penentangan sebaliknya isu utama yang diketengahkan adalah berkait dengan sistem pemerintahan tradisional yang dicabuli undang-undang baharu yang diperkenalkan.

Penelitian berikutnya tertumpu kepada makalah oleh Abdul Halim Ali (2011) yang memberikan gambaran tentang peranan bahan kesusasteraan dalam memperlihatkan kepekaan pengarang terhadap situasi sejarah. Makalah ini menggambarkan bagaimana penyair Muhammad Haji Salleh merefleksi kisah dongeng “Si Tenggang” dengan mencorak pemikiran baharu dalam diri bangsanya agar tidak melupakan jati diri biarpun menuntut ilmu di negara asing. Selain itu, makalah ini juga memberikan gambaran bahawa bahan kesusasteraan memiliki visi politik dan intelektual tersendiri, iaitu kritikan terhadap kecelaruan masyarakat Melayu yang takut kepada perubahan dan ketinggalan dalam aspek kemajuan hidup. Makalah ini merumuskan bahawa pengarang secara sedar melakukan pemaknaan baharu terhadap sesuatu maklumat baharu dan cuba memecahkan kepompong pemikiran orang Melayu melalui sajak yang ditulis. Bahkan melalui pembacaan Historisisme Baru, imej sesuatu watak yang pernah diketahui dalam sesebuah karya diberikan penjenamaan baharu, iaitu penerapan nilai positif yang membina jati diri bangsanya.

Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan, didapati bahawa skop perbincangan mengenai faktor perjuangan Mat Salleh lebih banyak dijalankan dalam kajian sejarah yang didapati melalui pelbagai dokumen sejarah. Hasil sorotan terhadap makalah dalam bidang kesusasteraan pula mendapati bahawa kebanyakan kajian hanya membincangkan mengenai unsur pemaknaan baharu yang membicarakan pengaruh epistime pengarang terhadap isu yang melingkungi persekitaran tetapi tidak memberikan maklumat sejarah yang komprehensif untuk menyokong kekuatan sejarah tersebut. Selain itu, kajian berkaitan dengan Mat Salleh dalam naskhah kesusasteraan kurang diberikan penekanan oleh para pengkaji terdahulu. Oleh itu, kajian ini penting agar dapat memberikan panduan kepada pembaca mengenai sifat sejarah yang fleksibel dan membantu penulis menerapkan unsur pemaknaan baharu dalam karya yang bakal dihasilkan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai metodologi kajian. Kaedah yang diguna pakai adalah melalui pengumpulan segala maklumat yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan termasuklah daripada buku ilmiah, tesis, surat khabar dan laporan khas berkaitan dengan perjuangan Mat Salleh sebelum Sabah mendapatkan kemerdekaan serta sesudah tempoh tersebut. Kaedah analisis teks pula digunakan untuk mengetahui fakta sebenar secara mendalam berkaitan dengan peristiwa sejarah yang terdahulu dan pemaknaan baharu yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam naskah yang dipilih. Sewaktu analisis dilakukan, kajian ini membataskan kepada faktor penentangan Mat Salleh yang dikemukakan dalam novel *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh* serta dokumen sejarah berkaitan yang menyokong pemaknaan baharu sejarah yang diketengahkan dalam karya. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan unsur-unsur yang meragui sejarah lampau dan perbezaan pandangan hidup (*worldview*) masyarakat tempatan mengenai perjuangan Mat Salleh selepas Sabah mencapai kemerdekaan.

Historisisme Baru: Satu Kerangka Analisis

Historisisme Baru yang dipelopori oleh Greenblatt (1989) merupakan kaedah pembacaan yang mentafsir fakta sejarah dengan memberikan makna terkini terhadap data sejarah yang telah mapan. Pentafsiran kembali makna sesuatu teks dilakukan secara kualitatif melalui data marginal yang diperoleh berdasarkan pembacaan sejarah demi menerangkan sistem idea, nilai dan kepercayaan subjektif yang dibawa oleh sekumpulan masyarakat atau pengarang yang dikaji. Bahkan Historisisme Baru juga memaknakan sejarah baharu yang bersifat subjektif berdasarkan pandangan individualistik seseorang pengarang yang mengungkapkan idea sejarah. Dalam konteks Historisisme Baru dalam naskah kesusasteraan, pengarang tidak lagi dianggap merakam “sejarah” tetapi terlibat dalam menghasilkan makna sejarah. Hal ini bermaksud sejarah menurut pandangan Historisisme Baru adalah satu ideologi yang tidak tetap pada sesuatu keadaan. Sifat sejarah melalui fahaman Historisisme Baru ialah sesuatu yang diragukan dan boleh ditafsirkan semula. Perkara ini menjadikan fakta sejarah yang wujud dalam penulisan sejarah telah dirungkai semula. Menurut Webster (1996:116), sejarah dalam Historisisme Baru dilihat daripada dimensi baharu yang bersifat pentafsiran semula, seperti yang dinyatakan dalam petikan ini:

“New Historicism then proposes a new or alternative history to the conventional, established historical accounts and practice through which literary texts had been largely studied. This is achieved by turning away from an apparently stable, fixed history which formed a kind of backcloth to the imaginative workings of the artist’s mind, to a past which was uneven, fragmented, even unfinished so that history is a site of conflict which is on going, not stable form of containment.”

Situasi ini memperlihatkan kehadiran karya sastra sebagai sejarah alternatif yang berfungsi sebagai pelengkap atau memiliki keupayaan dalam meragui sejarah semasa. Selanjutnya, Hart (1991:105) pula menegaskan bahawa dalam menerima sesebuah karya sebagai memenuhi kriteria Historisisme Baru, maka seharusnya teks yang dibangunkan memiliki latar sejarah atau anekdot yang membawa kepada tercetusnya sesuatu peristiwa dan akhirnya membawa kepada nilai sejarah yang tersendiri.

“New Historicism constitutes a complex and indirect practice that encourages a plurality of methods and interests, displays the ability to change and shows the power to endure.”

Pandangan tersebut bermaksud amalan Historisisme Baru sebagai satu cara yang kompleks dan merupakan amalan tidak langsung yang menjadi pemangkin kepada pelbagai kaedah penyelidikan berasaskan pembacaan sejarah. Historisisme Baru berupaya untuk memberikan tafsiran baharu sejarah dan melestarikannya serta kemudiannya diruntuhkan oleh tafsiran baharu sejarah. Lantaran itu, wujudnya pelbagai spekulasi yang boleh diperdebatkan serta berkembangnya pelbagai pandangan serta idea baharu dalam menjelaskan sesuatu kejadian yang dianggap memiliki nilai dalam sejarah. Demikian juga menurut Montrose (1986) yang beranggapan bahawa sejarah ialah satu rekonstruksi tekstual tentang masa lalu, maka secara materialnya sejarah tidak mempunyai autoriti. Dengan demikian, sejarah benar-benar terbuka kepada sebarang makna dan tafsiran.

Historisisme Baru oleh Stephen Greenblatt

Kemunculan Historisisme Baru bermula setelah Greenblatt (1989) menjalankan penyusunan esei berkaitan dengan English Renaissance. Istilah Historisisme Baru yang dikemukakan dalam penulisan Greenblatt semakin diterima dan berkembang sebagai teori moden dalam kritikan kesusasteraan. Berpandukan teori ini, Greenblatt menegaskan wujudnya

perkaitan antara teks dengan pengaruh kebudayaan yang mempengaruhi makna dalam sesebuah penulisan sejarah. Dalam hal ini, bacaan Historisisme Baru lebih menumpukan faktor di luar teks yang melibatkan budaya, sistem sosial politik dan persekitaran yang turut menjadi agenda utama dalam “mendekonstruksikan” keobjektifan sejarah itu sendiri termasuklah latar budaya pengarang. Greenblatt (1987) memperlihatkan Historisisme Baru telah dijadikan peluru yang digunakan bagi mengangkat kedudukan bangsa:

“...the process of making one’s own becomes inseparable from making other things (and persons) alien, so that the act of appropriation must be seen always ready to involve not only self-projection and assimilation but alienation through reification and expropriation...”.

Pengikut Historisisme Baru melihat setiap kritikan dan penolakan sesuatu maklumat sejarah menimbulkan makna baharu dalam sejarah. Hal ini adalah sepadan dengan pandangan Fish (1989) “...for historicism to be new, it must assert a new truth and thus oppose, correct, or modify a previous one but new truth cannot be methodological”. Oleh itu, maklumat berkaitan dengan sejarah yang telah ditulis perlu diambil kira dalam menjelaskan perubahan makna sejarah yang ditulis oleh seseorang pengarang. Faktor tersebut membentuk amalan dan kepercayaan anggota masyarakat di bawahnya, termasuklah penulis sejarah. Kod amalan sosial tersebut disokong oleh penulis pada era tersebut dan dijadikan bahan penulisan untuk mengatur tingkah laku dan cara masyarakat tersebut memahami dunia mereka.

Selain itu, Greenblatt (1990) menganggap Historisisme Baru sebagai tindakan mengubah fahaman maklumat sejarah lama berdasarkan konflik budaya yang dihadapi oleh masyarakat tersebut. Pengikut Historisisme Baru menganggap fakta sejarah dipengaruhi oleh pengaruh kelas, jantina, keagamaan, bangsa dan identiti nasional. Setiap pengkategorian yang dinyatakan akan mempengaruhi pembentukan wacana sejarah yang baharu dalam naskhah kesusasteraan yang ditulis. Beliau sebenarnya meminjam pemikiran Michel Foucault dan telah membincangkannya melalui penulisannya *Renaissance Self-Fashioning* (Greenblatt, 2005). Setiap pengarang yang menulis kisah sejarah dikawal oleh pelbagai faktor berkuasa antaranya kuasa institusi keagamaan seperti gereja, badan kehakiman, institusi kecil seperti keluarga, pentadbiran kolonial bahkan kitab-kitab suci yang menjadi ikutan setiap anggota masyarakat.

Berdasarkan idea teori Historisisme Baru, tiga konsep penting daripada teori Historisisme Baru dimanfaatkan dalam kajian ini, iaitu pemaknaan sejarah baharu dalam karya, pembacaan sejarah dalam dokumen sejarah dan pengaruh sosiobudaya pengarang terhadap penulisan sesebuah karya. Dalam penulisan Greenblatt (1989), beliau tidak menentukan sebarang prinsip dalam teori Historisisme Baru tetapi menjelaskannya sebagai sebuah kaedah pembacaan teks dengan memberikan tumpuan terhadap fungsi dan makna sejarah yang baharu. Selain Greenblatt, terdapat ramai lagi tokoh yang turut menyatakan pandangan dan pendapat berkaitan dengan Historisisme Baru, antaranya termasuklah Montrose, Hyden White, Jonathan Culler, Mikail Bakhtin dan ramai lagi. Selain itu, Greenblatt sendiri diketahui merujuk idea Marxisme dan Foucault tatkala berkongsi tentang aspek sejarah dan kekuasaan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara ringkasnya, novel *Tibabar: Bentang Terakhir Panglima Mat Salleh* seterusnya akan disebut *TBTPMS* mengisahkan perjalanan Malina, watak utama yang mengumpulkan bahan bagi penghasilan skrip dokumentari bagi mengkaji tentang Mat Salleh di Sabah. Semasa penyelidikannya, Malina telah menemui Nenek Lingkat, saksi terakhir peristiwa pertempuran Inggeris dengan pengikut Mat Salleh di Kubu Tibabar. Menerusi maklumat baharu yang diterima daripada sumber yang pernah diwawancara, *TBTPMS* dibayangi semangat antipenjajah melalui pengkisahan peristiwa-peristiwa yang dilalui Mat Salleh dengan membawa elemen sejarah baharu. Manakala pihak penjajah Inggeris telah diberi konotasi negatif dengan tujuan membawa penghayatan semangat patriotik dan semangat perjuangan tanah air.

Perubahan makna sejarah daripada Mat Salleh sebagai pemberontak kepada tokoh pembebasan negeri Sabah seiring pendekatan pembacaan Historisisme Baru membawa prinsip sesebuah naskhah seni seperti karya sastera wujud sebagai wacana sosial yang memiliki pertalian langsung dengan budaya yang wujud sekitar penciptaan karya. Historisisme Lama melihat sejarah dalam teks sebagai kaku sedangkan Historisisme Baru tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk menzhahirkan rupa peristiwa dalam sesebuah karya tetapi memberikan pemahaman terhadap faktor budaya yang mempengaruhi perubahan makna sejarah yang dihasilkan oleh pengkarya. Misalnya jika merujuk sentimen antikolonial yang digarap, novel ini menggambarkan dengan jelas beberapa sisi penentangan

masyarakat peribumi ke atas sesuatu penjajahan yang berlaku di wilayah asal mereka yang berbeza dengan anggapan awal yang menganggap Mat Salleh sebagai pemberontak.

Penentangan Mat Salleh di Sabah telah menyaksikan pentadbiran British yang diwakili oleh British North Borneo Chartered Company atau Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB) yang telah bertapak pada abad ke-18 Masihi telah ditentang oleh pemerintah tempatan yang terdiri daripada pelbagai suku, agama dan latar belakang. Bermula dengan rasa tidak berpuas hati terhadap nilai baharu yang dibawa dan fitnah dijatuhkan kepada Mat Salleh tanpa peluang membela diri, novel ini mengungkapkan sistem baharu yang diperkenalkan oleh pihak Inggeris telah mencemari sistem tradisi yang diamalkan oleh masyarakat termasuklah nilai agama dan adat istiadat. Perasaan kolektif yang timbul dalam kalangan pembesar pelbagai suku kaum telah membawa kepada aturan bersama yang membawa kepada penentangan ke atas penjajahan Inggeris.

Perjuangan Mat Salleh atas Dasar Islam dalam Novel *TBTPMS*

Dalam membincangkan faktor yang membentuk sesuatu kesepakatan dalam sesebuah perjuangan menuntut kebebasan, nilai agama Islam yang dipegang tidak dapat dipisahkan daripada faktor kebangkitan menentang penjajahan kuasa Barat. Misalnya di Terengganu, tokoh ulama juga dikenali sebagai pejuang tanah air termasuklah Haji Abdul Rahman Limbong, Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh. Manakala perjuangan Tok Kenali, Tok Janggut, Muhammad Syeikh Muhammad Sa'id turut berdiri atas landasan perjuangan dalam mengekalkan keutuhan agama Islam. Maka, faktor agama Islam yang menjadi salah satu sumber pencetus kebangkitan perjuangan penentangan masyarakat peribumi Sabah merupakan perkara yang turut berlaku. Satu identiti (*worldview*) baharu yang cuba dibawa oleh anasir luar dengan menyentuh aspek amalan dan nilai murni yang wujud dalam sesebuah agama menyebabkan wujudnya kesepakatan dalam melakukan penentangan.

Dalam *TBTPMS*, perjuangan jihad Islam adalah antara dasar yang membentuk perjuangan Mat Salleh menentang penjajahan Inggeris. Melalui idea jihad Islam yang ditonjolkan melalui watak Mat Salleh, unsur anjakan makna sejarah yang ditimbulkan seiring pandangan Greenblatt (2000:10), iaitu jaringan interpretasi maklumat sejarah berdasarkan sumber kesusasteraan diperluas:

“Texts that have been regarded as altogether nonliterary, that is, as lacking the aesthetic polish, the self-conscious use of rhetorical figures, the aura of distance from the everyday world, the marked status as fiction that separately or together characterize letters.”

Maka sejarah dalam *TBTPMS* menonjolkan perspektif perjuangan Mat Salleh telah membentuk penyatuan pelbagai suku kaum atas dasar kolektif, penyatuan agama dan tidak menjurus kepada kepentingan peribadi, sebagaimana pandangan Roziah Adama (2013:9):

“Kalimah “mati” itu menyatu pula dengan perjuangan Panglima Datu Muhammad Salleh bin Datu Batu. Pemimpin ulu Sugut Labuk Sandakan. Panglima Mat Salleh berjuang bermati-matian menentang Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) yang diterajui oleh pegawai-pegawai Inggeris pada tahun 1894 sehingga 1900. Perjuangan Panglima Mat Salleh bukan sekadar demi menuntut hak sebagai peribumi yang tertindas tetapi juga bersulam semangat jihad yang tinggi demi mengangkat ketuanan Islam di bumi Sabah.”

Melalui kesatuan perjuangan kolektif pelbagai suku masyarakat yang ditonjolkan Roziah Adama dalam novel ini, beliau telah menggarap aspek kontekstual dengan membongkar hegemoni budaya dan sosial sebagaimana yang dititikberatkan dalam disiplin Historisisme Baru. Mat Salleh tidak lagi dianggap sebagai pemberontak atau menjalankan pemerintahan yang kejam sebagaimana dapatan sejarah lama yang dikeluarkan akhbar *North Borneo News dan Sabah Times* pada tahun 1961 bertajuk “*Sensuran and Mat Salleh*”. Dalam penulisan tersebut, Mat Salleh dianggap sebagai penindas masyarakat tempatan melalui pungutan cukai yang tinggi bahkan membiarkan masyarakat tempatan kebuluran tetapi kenyataan ini berbeza dengan penulisan Roziah Adama yang menyatakan Mat Salleh sebagai individu yang membawa keamanan dan keharmonian dalam Islam. Mat Salleh melalui *TBTPMS* telah diletakkan sebagai seorang pejuang Islam melalui usaha beliau dalam mengamankan persengketaan tradisi antara dua kumpulan etnik Dusun di Tambunan. Dalam *TBTPMS* (Roziah Adama, 2013:50), tindakan memilih jalan damai merupakan satu usaha yang murni tanpa niat kepentingan peribadi atau menyebelahi mana-mana etnik adalah tanda sifat keadilan yang wujud dalam diri Mat Salleh.

“Pertumpahan darah bukan caranya. Kita mesti menyedarkan Liwan dan Tegahas bahawa pertelingkahan sesama peribumi akan merugikan kita.”

Dalam pembacaan Historisisme Baru oleh Greenblatt (1989), unsur makna gandaan sejarah atau *double voice* yang dilihat dalam sesebuah karya bukan hanya melihat situasi sejarah yang telah diketahui tetapi makna kecil yang cuba dipadamkan daripada sejarah. Persoalan budaya dan isu-isu sosial yang menyebabkan sejarah tersebut cuba dipencilkan telah diangkat semula, tujuannya untuk mengembalikan martabat serta kedudukan bangsa yang sebelumnya ditindas. Makna sejarah yang bersifat marginal seperti ketokohan Mat Salleh sebagai pejuang Islam yang dibincangkan dalam novel *TBTPMS* tidak hanya melihat sejarah sebagai makna yang kaku, tetapi membawa idea sejarah yang lebih segar. Usaha yang dilakukan oleh Mat Salleh dalam mencapai proses perdamaian antara dua suku masyarakat yang bertelagah merupakan sebahagian daripada nilai Islam menurut konsep *al-salam* yang membawa maksud perdamaian dan meninggalkan peperangan. Menurut Faezy Adenan dan Asmak Ab. Rahman (2020), lafaz *alsalām* dan *al-amn* dalam al-Quran membawa kepada mesej keamanan yang jelas dan memperkukuh jati diri bangsa. Pemerian sifat Mat Salleh sebagai pejuang Islam setelah merdeka disokong dengan pelbagai dokumen sejarah yang wujud sesudah Sabah mencapai kemerdekaan.

Dalam penulisan Low (2001), terdapat tanda yang menunjukkan Mat Salleh dan para pengikutnya yang beragama Islam (dalam kalangan kaum Irranun, Bajau dan Sulu) berjuang atas nama Islam. Dalam satu operasi pasukan polis SBBUB yang diketuai oleh Barraut dan Jones di Pulau Jamboangan pada 29 September 1894, pihak SBBUB telah menemui alat kebesaran seperti payung kain sutera, panji-panji kebesaran dan lambang kebesaran yang lain yang mempunyai inskripsi yang berunsurkan Islam (kemungkinan kalimah suci) di sebuah kubu Mat Salleh (Low, 2001). Perkara ini menunjukkan bahawa Mat Salleh telah dianggap penduduk tempatan sebagai pejuang Islam yang unggul di Borneo Utara. *TBTPMS* sekali lagi mengeluarkan maklumat yang menyifatkan Mat Salleh sebagai pejuang Islam (Roziyah Adama, 2013:30):

“Mengikut catatan akhbar The British North Borneo Herald, menyebut kubu Mat Salleh di labuk, Sandakan, ditemui bendera putih bertulis ‘Mat Salleh pejuang Islam’. Ini sudah cukup membuktikan Mat Salleh sebagai pejuang Islam.”

Berdasarkan unsur kekangan kuasa yang diberi perhatian dalam disiplin Historisisme Baru, representasi Mat Salleh sebagai tokoh Islam cuba diketepikan oleh pihak SBUB demi mengawal perlakuan masyarakat atau sesuatu budaya ketika itu. Disebabkan faktor kekangan yang berubah-

ubah, pembentukan realiti budaya turut mengalami perubahan mengikut zaman (Fish & Perkins, 2000:1). Dalam *TBTPMS*, perjuangan Mat Salleh bermula kerana tuduhan pembunuhan orang-orang Dayak yang dilakukan oleh pihak SBUB. Mat Salleh berjuang untuk membersihkan namanya secara berlembut sebelum bertindak tegas sehingga berlakunya pertumpahan darah. Mat Salleh telah dituduh sebagai penjenayah dan pihak Inggeris menyediakan ganjaran sebanyak RM500 (nilai pada hari ini) kepada orang yang berjaya menangkapnya. Fakta yang dinyatakan dalam novel *TBTPMS* seiring dengan catatan sejarah. Menurut Buyong Adil (1981), Mat Salleh telah datang ke suatu tempat bernama Buli Sim-Sim yang terletak di bandar Sandakan untuk bertemu dengan Gabenor Creagh bagi menyuarakan bantahan terhadap laporan seorang kerani di Pulau Jambongan, Haji Otang yang mengatakan Mat Salleh memungut cukai daripada orang-orang yang hilir mudik di Sungai Sugut dan membunuh dua orang peniaga berbangsa Dayak. Aduan yang dilakukan oleh Mat Salleh tidak dipedulikan kerana ketika itu Gabenor Creagh tidak berada di Sandakan. Beberapa hari kemudian, Mat Salleh disuruh pulang ke Sungai Sugut dan telah diarahkan ditangkap tanpa pembelaan.

Historisisme Baru berfungsi demi mengangkat maklumat baru berkaitan sesuatu teks yang tidak dapat disampaikan dalam sesebuah karya besar yang digarap. Greenblatt (2000:17) menyatakan unsur baharu tersebut sebagai perasaan peribadi yang diketengahkan bersama pengetahuan pengarang, *“We never feel that we can simply put off all our historically conditioned longings, fears, doubts, and dreams, along with our accumulated knowledge of the word, and enter into another conceptual universe”*. Maka untuk menyokong konsep menegakkan kebenaran dan menjawab sesuatu fitnah yang dilakukan oleh Mat Salleh dalam karya *TBTPMS*, peristiwa al-Ifki yang berlaku pada tahun keenam hijrah setelah tamatnya perang Bani Mustoliq adalah dirujuk. Peristiwa tersebut merupakan satu peristiwa di mana orang-orang munafik menuduh Aisyah R.A. melakukan zina dengan seorang sahabat yang bernama Sofwan Bin Mu’attol R.A. Allah S.W.T. telah menurunkan ayat daripada Surah al-Nur (11:19) bagi menjawab pertuduhan keji yang dilakukan terhadap Saidatina Aisyah R.A.:

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang*

mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).”

Sayyid Qutb (1965) menjelaskan bahawa ayat ini menerangkan tentang sesuatu fitnah berlaku apabila sesuatu perkara tidak benar itu diucapkan oleh beberapa orang yang mempunyai matlamat yang sama. Muhammad Shahrulnizam Muhadi (2019) melihat wujud persamaan mengenai peristiwa al-Ifki dalam beberapa riwayat hadis melalui pembacaan pelbagai kitab hadis, antaranya Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Nasaie, al-Sunan, al-Kubra oleh Imam al-Baihaqi dan lain-lain lagi yang menunjukkan bahawa tindakan menjawab sesuatu fitnah telah dilakukan sendiri oleh Saidatina Aisyah R.A. Kisah ini diriwayatkan oleh empat orang daripada Aisyah R.A. Mereka ialah Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud, Urwah bin Zubair, Sa'id bin Musayyib dan Alqamah bin Waqqas. Walaupun mereka meriwayatkan daripada Aisyah R.A. dengan lafaz yang berbeza namun kesemuanya mengandungi makna yang sama.

Berdasarkan konsep menjawab fitnah ini, tindakan Mat Salleh yang ingin membebaskan diri daripada fitnah yang dilemparkan ke atasnya merupakan satu tindakan yang berdiri atas asas nilai Islam yang turut merakamkan suara kecewa yang ingin dipertimbangkan secara adil. Situasi membebaskan diri daripada kekangan sama ada melalui emosi, fizikal dan mental merupakan sebahagian daripada peperangan kekuasaan yang dilalui oleh Mat Salleh. Pertarungan merebut sesuatu kekuasaan akhirnya mewujudkan dua belah pihak, iaitu pihak yang menang dan pihak yang kalah. Mat Salleh dalam situasi sejarah ialah pihak yang dikalahkan kerana segala tindakan bantahan yang cuba dibuat tidak didengari sama ada melalui surat bantahan mahupun melalui pertemuan empat mata.

Kaedah pembacaan Historisisme Baru yang saling berkongsi maklumat dengan data sejarah atau *historical period* ketika karya *TBTPMS* ditulis memperlihatkan kewujudan penulisan lain yang menyokong fakta tersebut. Misalnya, wacana Shaukhi Mohd Radzi et al. (2008) turut menjelaskan bahawa keluarga Mat Salleh ialah keluarga Islam yang berpegang kepada nilai Islam dalam kehidupan mereka. Walaupun begitu amalan adat istiadat (yang bertentangan dengan Islam) masih juga diamalkan lantaran telah sebatikan dalam diri mereka, namun persoalan akidah yang dianuti adalah jelas merupakan akidah Islam. Hal berkaitan dengan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat tradisi dahulu jelas menunjukkan ketidaksempurnaannya. Namun hal sedemikian tidak mampu menidakkan

kejelasan aqidah mereka yakni Islam. Tindakan campur tangan urusan adat istiadat tempatan dan fitnah yang dilontarkan oleh pihak Inggeris ketika itu menyebabkan penentangan oleh Mat Salleh dan para pengikutnya.

Setelah diteliti hal yang disebutkan, faktor agama Islam dan semangat jihad menjadi antara faktor pencetus kebangkitan Mat Salleh serta para pengikutnya dalam membebaskan Sabah daripada kuasa penjajah Barat. Situasi fitnah yang dilemparkan ke atas Mat Salleh sebagai punca pembunuhan orang Dayak menjadi antara sebab penentangan yang dilakukan oleh Mat Salleh. Perkara ini ditambah pula dengan pertembungan nilai lama dan baharu. Nilai-nilai Barat yang cuba diketengahkan sama ada melalui aspek agama, serta campur tangan adat dan politik tradisi tempatan merupakan antara punca pelbagai suku kaum bersatu mengikuti perjuangan Mat Salleh. Bahkan, penentangan yang dilakukan oleh Mat Salleh tidak dapat dibuktikan dilakukan atas dasar peribadi. Oleh itu, asas perjuangan Islam sebagai landasan perjuangan Mat Salleh di Sabah dilihat sebagai pemaknaan baharu sejarah yang berbeza dengan naratif pengkhianatan yang dibawa oleh Inggeris.

Perjuangan Mat Salleh Disokong oleh Pelbagai Suku Kaum

Dalam aspek kepimpinan pula, Mat Salleh memiliki wibawa tersendiri sehingga perjuangannya dianggap sebagai pencetus semangat buat pelbagai suku kaum peribumi untuk membebaskan Sabah daripada penjajahan Inggeris. Dalam bulan Mac 1897, BNBH telah melaporkan bahawa Nakhoda Tinggi menghantar surat kepada SBU dengan menyatakan bahawa gerakan Mat Salleh telah berjaya mengumpulkan sejumlah 4000 hingga 5000 orang pengikut yang terdiri daripada pelbagai penduduk peribumi.

Dalam laporan yang dikeluarkan oleh BNBH pada bulan April 1898, Hewett (1957) menceritakan secara terperinci melalui penulisannya "The Mat Salleh Expedition," bagaimana Mat Salleh berjaya membina kekuatan di kawasan pedalaman Ranau dengan bantuan suku kaum Dusun dan meraih sokongan penduduk daripada Bundu Tuhan dan Tambunan. Mat Salleh turut menerima sokongan sebahagian penduduk di Tambunan bagi membina kubu di Lowanti dan di Patau dengan syarat kubu pertahanan perlu dibina di luar perkampungan mereka (British North Herald Borneo, 1898:117). Kenyataan ini menunjukkan perbezaan daripada bentuk sejarah yang bersifat mimetik dengan menganggap Mat Salleh sebagai

pemberontak atau lanun yang merampas harta penduduk kampung dengan kekerasan. Perjuangan Mat Salleh dalam *TBTPMS* mendapat sokongan pelbagai suku kaum atas semangat pembebasan Sabah (Roziyah Adama, 2013:186):

“Perjuangan Mat Salleh juga bukan untuk dirinya sendiri tetapi untuk semua peribumi Sabah. Kalaulah Panglima Mat Salleh itu pejuang yang mementingkan diri sendiri, tidak mungkin ratusan penduduk peribumi pelbagai suku kaum menyokong perjuangannya. Dusun, suluk, Bajau, Iranun, Murut dan orang Cina sendiri bergabung dan Bersatu menentang Inggeris. Orang Cina sendiri walaupun tidak ikut berkubu di Tibabar, tetapi mereka memberi bantuan makanan, apatah lagi peribumi sendiri yang berjuang mengikut cara mereka sendiri.”

Dalam naskhah *TBTPMS*, Roziyah Adama secara sedar dan teliti melakukan proses penulisan yang mencerminkan visi politiknya dalam melihat situasi perjuangan Mat Salleh di Sabah. Proses ini sebagaimana yang wujud dalam pemetaan pendekatan Historisisme Baru menurut Greenblatt (1988:88) sebagai individualiti, iaitu perspektif sejarah, budaya dan sosiologi yang terdapat dalam teks memperlihatkan visi politik pengarang mengangkat citra perjuangan tokoh bangsanya. Sejarah dalam naskhah yang dihasilkan hanya menjadi pengantara kepada ideologi yang ingin disampaikan melalui fakta sejarah. Misalnya, terdapat petikan yang menyediakan jawapan kepada tuduhan Mat Salleh sebagai pemberontak (Roziyah Adama, 2013:45):

“Kau mahu lupakan apa yang Inggeris buat kepada kita? Bapa kita dipaksa bayar cukai tanah, cukai beras. Kalau tidak mau bayar didenda, dituduh pemberontak. Mereka dipaksa bekerja siang malam di ladang milik Inggeris tetapi satu sen pun tidak dibayar. Kita miskin bertambah miskin. Kau tidak ingat apa terjadi kepada Nunuan? Suma? Mereka dipaksa menjadi hamba di rumah Mr. Dodge. Mereka terpaksa dijual untuk digantikan dengan beras dan makanan. Bapa mereka telah sanggup menjual anak demi makanan. Kau lupakah semua itu, Daneh?” Suara Dayang Malingkat menaik. Kepanasan mula bergelora di dadanya.”

Pengenalan sistem pentadbiran SBUB yang mengganggu landskap institusi politik tradisional dan sosial masyarakat ketika itu menyebabkan perjuangan Mat Salleh mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan

masyarakat tempatan. Black (1983) menyifatkan antara masalah yang berlaku dalam pentadbiran SBUB adalah disebabkan oleh pelaksanaan cukai komuniti dan cukai bot terhadap penduduk kampung yang melalui jalan sungai. Cukai baharu yang diperkenalkan melalui Ordinan Perkampungan (1891) telah menarik kuasa tradisi pemimpin tempatan manakala pada tahun 1894, pihak syarikat telah memperkenalkan stesen kastam di Pulau Jambangan demi menguatkan kekuasaan (Roziyah Adama, 2013:27).

“Berbalik kepada soal pemajakan. Sabah yang terbahagi kepada jajahan kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu telah memajukan daerah Sabah dengan harapan memajukan lagi tanah jajahan mereka. Keadaan ini berlaku kerana pujukan pegawai-pegawai Inggeris, yang mereka tidak sedar terkandung hajat menguasai tanah jajahan mereka. Oleh itu, Inggeris tidaklah perlu menghabiskan wang untuk peperangan tetapi melalui pujukan dan janji membayar wang pajakan yang banyak sudah berjaya menundukkan Sultan Sulu dan sultan Brunei. Sultan Sulu Jamalul Azam sedang diancam oleh penaklukan Sepanyol di Selatan Filipina. Oleh sebab keadaan tersepit baginda terpaksa memajukan daera Kimanis, Paitan, Sugut, Bongaya, Lubuk, Sandakan, Kinabatangan dan derah-daerah lain lagi kepada Baron de Overbeck. Keadaan ini juga berlaku kerana pujukan William C. Cowie. Kemudian dilantik pula sebagai Dato Bendara dan Raja Sandakan pada 1878.”

Pengenalan pelbagai sistem cukai yang menggantikan cukai lama serta kuasa pembesar tempatan yang dihadkan menjadi sebab utama penduduk tempatan khususnya para pembesar berjuang untuk menolak sistem pentadbiran SBU. Hal ini demikian kerana pentadbiran SBU memperkenalkan sistem cukai yang baharu bagi menggantikan tiga kategori pemilikan tradisi, iaitu pemilikan kerajaan, kuripan dan tulin serta kebanyakannya terdiri daripada kategori pemilikan tulin. Sultan tidak boleh mengurniakan tanah dalam kaegori pemilikan tulin kepada sesiapa sahaja tanpa merujuk kepada pemiliknya (Siti Aidah Haji Lokin, 2007:48–50).

Pembacaan sejarah yang dilakukan Roziyah Adama sewaktu menulis *TBTPMS* dan pembaca karya ini memiliki sudut pandangan sejarah tersendiri yang memuatkan nilai dan pandangan subjektif berdasarkan pengetahuan sejarah masing-masing. Oleh itu, pembacaan yang dilakukan melalui *TBTPMS* dan bahan sejarah yang lain mendapati bahawa perubahan sistem pentadbiran tradisi kepada pencukaian baharu merupakan antara faktor penyatuan pelbagai suku kaum di Sabah menentang pihak Inggeris. Ideologi

yang dibawa Roziah Adama dalam menyatakan pandangannya mengenai peranan Mat Salleh adalah berbentuk epistime yang mengungkapkan perkaitan sejarah dan politik serta tindak balas terhadap nilai lama yang menganggap Mat Salleh sebagai pemberontak.

Persepsi Baharu Perjuangan Mat Salleh

Tujuan pengisahan semula sesuatu sejarah adalah untuk menyampaikan makna baharu berdasarkan sudut sejarah yang tidak difokuskan akibat faktor kekuasaan dan pihak berkepentingan. Namun begitu, pemaknaan baharu yang dibina dengan niat membina jati diri bangsa perlu selari dengan maklumat sejarah berdasarkan peredaran zaman, bukan hanya sejarah yang disampaikan mengikut emosi pengarang atau bias peribadi. Subjektiviti dalam sejarah merupakan perkara biasa kerana pemaknaan sejarah tidak boleh bersifat kaku. Sifat sejarah melalui fahaman Historisisme Baru ialah sesuatu yang diragukan boleh ditafsirkan semula. Hal ini menjadikan fakta sejarah yang wujud dalam penulisan sejarah dirungkai semula. Dengan mengingkari pandangan autonomi Historisisme Lama, Historisisme Baru menyatakan bahawa sejarah merupakan suatu perbincangan, cara pandang dan berfikir mengenai dunia. Cara pandang demikian menganggap bahawa sejarah, sastera, ekonomi, politik, agama dan lain-lain, merupakan suatu perbincangan di mana satu perbincangan dengan perbincangan yang lain adalah saling berkaitan. Greenblatt (1989) telah menjelaskan bahawa teks, sama ada teks sastera atau dokumen sejarah bukan kreatif merupakan sebahagian daripada produk dan komponen yang terhasil daripada keadaan sosial dan politik yang melingkarinya. Kekuatan sejarah dalam karya sastera terhasil daripada tafsiran pengarang atau penulis yang tidak dapat dilepaskan daripada keadaan yang melingkupinya, iaitu unsur sejarah dan budaya ketika penulisan tersebut dihasilkan. Maka, sesuatu teks baik teks sastera mahupun teks sejarah menjadi agen yang melengkapi antara satu sama lain. Dalam naskhah *TBTPMS*, wujud persamaan idealisme terutamanya berkaitan dengan perjuangan Mat Salleh dalam agenda pembebasan Sabah.

Jamdin Buyong (1981) menyifatkan bahawa kebangkitan Mat Salleh merupakan manifestasi kemuncak kemarahan suku kaum peribumi terhadap cengkaman penjajahan Inggeris yang mengaut sumber hasil bumi di samping mengenakan cukai kepala, memperhamba penduduk tempatan supaya melakukan kerja berat dengan gaji yang tidak berpatutan, memaksa

suku kaum untuk taat setia dan bertuanan mereka dan di samping pelbagai kegiatan lain yang mempengaruhi masyarakat peribumi supaya menerima nilai hidup, pandangan, kepercayaan serta sosiobudaya barat. Mat Salleh juga tersinggung kerana dianggap Inggeris sebagai penjenayah, perompak, pencuri, penjahat dan sebagainya. Penulisan ini memperlihatkan perubahan sudut pandang masyarakat Sabah dan aliran nasionalistik yang tinggi seperti mana yang telah ditulis dalam naskhah *TBTPMS*.

Keperluan sosok wira dalam sesebuah masyarakat turut menjadi sebab perubahan paradigma yang diletakkan terhadap Mat Salleh. Leong (1982) menyifatkan bahawa perubahan pemikiran serta semangat nasionalistik masyarakat Sabah semakin memuncak apabila Sabah mencapai kemerdekaan dengan membentuk Gagasan Malaysia yang melibatkan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei (Leong, 1982):

“When nationalistic feelings in the Sabahan were aroused after independence, emotions ran high, discrediting all that had been about the “rebel”, The Sabahan was called upon to revere this personality. Mat Salleh was no longer looked upon as a rebel but a hero. Revolutionary or freedom fighter; precious little evidence can be studied of Mat Salleh’s thoughts, his fear and his reasons for killing and plundering in defiance of the British administration.”

Selain itu, kajian berterusan yang dilakukan oleh Sabihah (2007) melalui pengumpulan bahan penulisan di Arkib Sabah telah menggunakan pendekatan sejarah yang mengambil kira perspektif faktor penentangan Mat Salleh terhadap pentadbiran SBUB berasaskan usaha mengusir kuasa asing. Kesimpulan buku tersebut mengangkat Mat Salleh sebagai tokoh yang menyatupadukan Sabah. Negeri Sabah biarpun belum mewujudkan entiti politik yang moden pada ketika itu, telahpun mempunyai kriteria sebagai kawasan yang merdeka selama beratus-ratus tahun berdasarkan faktor kepimpinan tempatan, kawasan yang berdaulat dan pengikut yakni penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik. Maka, penyatuan pelbagai suku kaum yang bersama-sama dalam perjuangan Mat Salleh menjadi bukti Sabah sebagai sebuah negeri berdaulat.

Situasi ini mempamerkan kehadiran karya sastera seumpama *TBTPMS* sebagai bahan sejarah alternatif yang berfungsi sebagai pelengkap atau sebaliknya yang meragui makna sejarah yang lebih awal. Selanjutnya, Greenblatt (2000) menegaskan bahawa dalam menerima sesebuah karya sebagai teks yang memenuhi kriteria Historisisme Baru, maka seharusnya

teks yang dibangun memiliki latar sejarah atau anekdot yang membawa kepada tercetusnya sesuatu peristiwa dan akhirnya membawa kepada nilai sejarah yang tersendiri. Pandangan ini adalah bertepatan dengan kenyataan beliau bahawa teori Historisisme Baru memandang sesebuah teks supaya dapat ditafsirkan melalui pelbagai faktor luaran dan tidak terhad kepada satu tafsiran semata-mata. Greenblatt (2000:16) menyatakan bahawa “*New historicism invokes the vastness of the textual archive and with that vastness an aesthetic appreciation of the individual instance.*” Berdasarkan penerangan beliau, disiplin Historisisme Baru membawa dinamik berbeza berbanding dengan disiplin sejarah tradisional. Oleh itu, penceritaan mengenai sejarah Mat Salleh yang dicanangkan dalam naskhah *TBTPMS* adalah sebagai menifestasi anjakan makna sejarah yang diusahakan untuk meragui makna lama, iaitu Mat Salleh sebagai seorang pemberontak atau penjenayah, dan merupakan sebahagian daripada unsur sejarah baharu yang ditonjolkan dalam naskhah *TBTPMS*.

KESIMPULAN

Penelitian terhadap novel *Tibabar: Benteng Terakhir Panglima Mat Salleh* menyingkap usaha kembali ke masa silam bagi memberikan pemaknaan baharu terhadap perjuangan Mat Salleh yang dilakukan secara sedar oleh pengarang dengan memaparkan proses penjajahan serta percanggahan elemen tradisional dan sistem barat yang diperkenalkan melalui pihak SBUB. Usaha pemaknaan baharu ini dilakukan secara sedar demi mengangkat Mat Salleh sebagai wira serta menolak wacana kolonial yang menyifatkan Mat Salleh sebagai penjenayah atau pemberontak. Terdapat tiga faktor utama yang menjadi punca penentangan Mat Salleh, iaitu faktor agama, politik dan ekonomi dan ketiga-tiganya berkait di bawah campur tangan Inggeris serta perubahan yang cuba dilakukan ke atas negeri Sabah. Karya ini secara langsung telah mengangkat kepahlawanan Mat Salleh sebagai tokoh pejuang Islam dengan pemaparan motif perjuangan yang jelas menzahirkan Mat Salleh sebagai pahlawan yang berjuang demi membela yang hak serta proses menangani fitnah secara terancang. Penentangan yang dilakukan oleh Mat Salleh turut membawa elemen jihad yang berasaskan agama Islam. Kelicikan politik penjajah telah berjaya memecahbelahkan masyarakat peribumi Sabah tetapi tidak dapat dinafikan bahawa Mat Salleh merupakan individu yang berjaya menyatupadukan pelbagai suku kaum di Sabah dengan asas perjuangan yang kukuh, demi mengusir penjajah Inggeris (SBUB). Analisis ini juga menunjukkan pemaknaan lama yang

berasaskan Mat Salleh sebagai penjenayah telah diruntuhkan dengan kemunculan makna sejarah baharu yang sesuai dengan keadaan semasa masyarakat pascakemerdekaan negeri Sabah. Semangat nasionalistik dan sosok tokoh pejuang tempatan yang berwibawa telah mengubah landskap pemaknaan terhadap Salleh yang kini diletakkan sebagai wira masyarakat tempatan. Perubahan makna sejarah akan terus berlaku pada masa akan datang kerana terdapat faktor budaya yang akan mempengaruhi sesuatu pemaknaan sejarah sesuai dengan keperluannya masa tersebut.

PENGHARGAAN

Pihak pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- BNBH. (1898, 16 April). *The attack on Ranau fort*. The North Borneo Herald.
- Abdul Halim Ali. (2011). Sajak “Pulang Si Tenggara” dalam perspektif historisisme Bard: The Poem of “Si Tenggara Homecoming” from the new historicism’s perspective. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 22(1), 1–17. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9647>
- Black, I. (1983). *A gambling style of government, the establishment of the chartered company’s rule in Sabah, 1878-1915*. Oxford University Press.
- Bressler, E. C. (1999). *Literary criticism: An introduction to theory and practice*. Prentice-Hall, Inc.

- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carr, E.H. (1984). *Apakah sejarah?*. Abdul Rahman Hj. Ismail. [Terjemahan]. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- D.S. Ranjit Singh. (2003). *The making of Sabah 1865-1941. The dynamics of indigenous society*. University of Malaya Press.
- Faezy Adenan & Asmak Ab. Rahman. (2021). *Keamanan menurut al-Quran dan hubungannya dengan filantropi Islam*. Journal of Contemporary Islamic Study. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 7(1). 151–169.
- Fish, S. (1989). *Commentary: The young and the restless*. Routledge.
- Fish, Stanley dan Perkins (2000). *The New Historicism Reader*. Ed. H. Aram Veeser. Blackwell Publishers.
- Greenblatt, S. (1987). Towards a poetics of culture. *Southern Review*, 20(1), 3–15. <https://www.scribd.com/document/346911650/Towards-a-poetics-of-culture>
- Greenblatt, S. (1989). *The New Historicism*. H. Aram Vesser (Ed.). Routledge.
- Greenblatt, S. (1989). *Shakespearean negotiations*. University of California Press.
- Greenblatt, S. (1990). Resonance and wonder. *Bulletin of the American Academy of Arts and Sciences*, 43(4). 11–34.
- Greenblatt, S. (1996). *Resonance and wonder, new historicism and cultural materialism: A reader*. K.Ryan (Ed.) Arnold.
- Greenblatt, S. & Gallagher, C. (2000). *Practicing new historicism*. University of Chicago Press.
- Greenblatt, S. (2005). *Renaissance self-fashioning: From more to Shakespeare*. University of Chicago Press.
- Hewett, G. (1957). The Mat Salleh expedition. *North Borneo Police Magazine*, 1(2). 3–6.
- Ismail Abbas & K. Bali. (1987). *Peristiwa-peristiwa berdarah di Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamdin Buyong. (1981, 12–16 Ogos). Perjuangan peribumi menentang penjajahan di Sabah: Protes terhadap nilai Barat. [Seminar]. Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, Kota Kinabalu, Yayasan Sabah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia.
- Hart, J. (1991) *New historicism: Taking culture into account*. Ariel 22.
- Leong, C. (1982). *Sabah: The 100 Years*. Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd.
- Low Kok On. (2001). *Citra wira rakyat dalam legenda Mat Salleh*. Universiti Malaysia Sabah.
- Montrose, L. (1986). Renaissance literary studies and the subject of history.”*ELR*, 16(1), 5–12.
- Montrose, L. (1992). *New historicism: Redrawing the boundaries: The transformation of English and American literary studies*. S. Greenblatt and G. Gunn [Eds.]. Modern Language Association.

- Muhammad Shahrulnizam Muhadi (2019, Jun). Bayan Linas siri ke 181: Peristiwa al-Ifki (Fitnah) terhadap Aisyah R. Anha: Pengajaran dan petunjuk menghadapi fitnah semasa. <https://muftiwp.gov.my/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3482-bayan-linnas-siri-ke-181-peristiwa-al-ifki-fitnah-terhadap-aisyah-r-anha-pengajaran-dan-petunjuk-menghadapi-fitnah-semasa>
- Roziah Adama. (2013). *Tibabar: Benteng terakhir Panglima Mat Salleh*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rutter, O. (1922). *British North Borneo*. Constable and company.
- Treggoning, K.G. (1965). The Mat Salleh Revolt 1894–1895. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society*. 29(1),173. 20–36.
- Sabihah Osman. (2007). *Datu Paduka Mat Salleh: Pahlawan Sabah (Hero of Sabah): 1894-1900*. Arkib Negeri Sabah.
- Sayyid Qutb. (2010). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Pustaka Darul Iman.
- Siti Aidah Haji Lokin. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881-1963)*. Universiti Malaysia Sabah.
- Shaukhi Mohd Radzi, Baszley Bee Basrah Bee & Md. Saffie Abd. Rahim. (2008). *Perjuangan Paduka Mat Salleh menentang penjajah: Perjalanan sejarah penentangan dan interpretasi dari sudut pandangan Islam*. Borneo Research Journal University Malaya.
- Webster, R. (1996). *Studying literary theory: An introduction*. Bloomsbury.